



Anwar melancarkan kenderaan elektrik pertama PERODUA di Dewan Perdana, Menara MITI, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

# PERODUA lancar EV pertama QV-E buatan Malaysia

Model ditawarkan dalam dua warna dijual pada harga RM80,000 seunit

Oleh Zanariah Abdul Mutalib dan Mohd Zaky Zainuddin  
bhnews @bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) melancarkan QV-E, kereta elektrik pertama buatan Malaysia, yang ditawarkan pada harga runcit RM80,000 tidak termasuk insurans dan bateri.

Pelancaran itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan turut dihadiri Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Pengerusi PERODUA, Tan Sri Asmat Kamaludin serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PERODUA, Datuk Seri Zainal Abidin Ahmad.

Model QV-E dibangunkan sebagai sebahagian usaha nasional memperkukuh ekosistem kenderaan elektrik yang mampan.

Ia membawa maksud *Quest for Visionary-Electric* dan dibangunkan dengan kos keseluruhan RM800 juta di Smart Mobility Plant, fasiliti pengilangan terbaru PERODUA.

Zainal Abidin berkata, kapasiti pengeluaran semasa ialah 500 unit sebulan, namun angka itu akan ditingkatkan kepada 3,000 unit menjelang suku ketiga 2026

bagi memenuhi permintaan pasaran.

Beliau berkata, setiap ciri QV-E dibangunkan selepas kajian terperinci bagi memastikan aspek fungsi, keselamatan dan keselesaan pengguna dipertingkatkan.

Beliau menegaskan QV-E adalah bukti kemampuan rakyat Malaysia menghasilkan produk automotif lengkap dari aspek reka bentuk hingga kejuruteraan.

#### Jarak pemanduan 445km

QV-E menggunakan bateri Lithium Iron Phosphate berkapasiti 52.5kW dan menawarkan jarak pemanduan sehingga 445 kilometer (NEDC), bergantung kepada gaya pemanduan, suhu dan keadaan jalan.

Model itu turut dilengkapi ciri keselamatan baharu termasuk Sistem Pengesanan dan Amaran Kanak-kanak yang mampu mengesan pergerakan atau tanda vital seperti bunyi nafas, walaupun objek dilitupi fabrik.

Di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), PERODUA dilantik sebagai juara pengeluar automotif tempatan untuk membangunkan ekosistem EV negara.

Seiring mandat itu, PERODUA bekerjasama dengan vendor tempatan bagi mencapai 50 peratus kandungan komponen tempatan pada awal 2026 dan meningkat kepada 70 peratus menjelang 2030.

Setakat ini, sebanyak 52 syarikat tempatan membekalkan komponen kepada QV-E dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 70 dalam tempoh lima tahun.

Zainal Abidin berkata, pembangunan QV-E dalam tempoh 28 bulan adalah hasil sokongan MITI serta agensi kerajaan lain.

Perodua menyasarkan pembeli daripada golongan pertengahan, termasuk mereka yang memerlukan kereta kedua atau kenderaan harian yang lebih efisien.

Untuk meningkatkan keterjangkauan, PERODUA turut memperkenalkan konsep pajakan bateri *Battery as a Service* yang menawarkan jaminan bateri sepanjang hayat.

QV-E ditawarkan dalam dua warna iaitu Ice Blue dan Caviar Grey dan boleh didapati di cawangan terpilih.

Dalam perkembangan lain, Anwar memberi jaminan bahawa Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) tidak menghalang Malaysia daripada meneruskan kerjasama dengan China.

Sebagai maklum balas kepada kebimbangan China terhadap perjanjian itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah memberikan penjelasan mengenai, malah beliau sendiri menjelaskan kepada rakan sejawatnya dari China, Li Qiang mengenai ART dalam pertemuan dua hala antara mereka.

"Mereka mahukan penjelasan dan kita sudah berikan. Saya tidak fikir kita perlu memperbersarkan perkara ini.

"China kekal sebagai rakan dagang yang sangat penting. Tiada apa-apa dalam perjanjian itu yang menghalang kita daripada meneruskan kerjasama dengan China," katanya.